

# UMS sediakan pelbagai bantuan kebajikan untuk pelajar universiti

OLEH MARRYAN RAZAN dan MOHD. ANWAR BIN NASEEBGUL

**KOTA KINABALU:** Universiti Malaysia Sabah (UMS) menyediakan pelbagai bantuan kebajikan untuk pelajar universiti itu yang memerlukan bantuan, kata Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr. Mohd Harun Abdullah.

"Saya memohon kepada semua pelajar jika terdapat apa-apa masalah seperti masalah kewangan, keluarga, pelajaran atau masalah lain, jangan malu dan segan untuk terus berjumpa dengan para pegawai di Jabatan Hal Ehwal Pelajar.

"Pihak Jabatan Hal Ehwal Pelajar sentiasa mengambil berat dalam soal kebajikan pelajar. Sehubungan itu, sehingga kini, UMS tidak menerima aduan berkenaan pelajar 'ikat perut' seperti yang diviralkan di laman-laman sosial baru-baru ini," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis Penyerahan Bantuan Kebajikan Pelajar UMS, di Galeri Majlis Bangunan Canselori, UMS, di sini, kelmarin.

Turut hadir Penaung Yayasan Nur Jauhar, Toh Puan Norlidah RM Jasni, Timbalan Naib Canselor (HEPA) Prof Madya Dr. Ismail Ali

dan para pelajar.

Pada majlis itu seramai 89 pelajar baharu dalam kelompok B40 yang mendaftar pada 28 dan 29 Ogos lalu, masing-masing menerima bantuan.

Mohd. Harun berkata B40 adalah program pelaksanaan mekanisme mod kemasukan pelajar baharu bagi isi rumah 40 peratus terendah yang tercicir melalui sistem pemilihan kemasukan ke universiti yang berasaskan kepada prinsip meritokrasi.

"Sejak B40 dilaksanakan pada sesi kemasukan akademik tahun 2013/2014, sebanyak 100 tempat ditawarkan setiap tahun di UMS yang dikenali sebagai 'MENITI' atau 'Merobah Idea Menjadi Realiti'.

"Calon-calon pelajar ialah mereka yang tinggal di pedalaman Sabah dengan kadar pendapatan keluarga di bawah Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) semasa iaitu sebanyak RMI, 170," katanya.

Beliau berkata sehingga kini, jumlah pelajar MENITI yang aktif berdaftar di UMS adalah seramai 376 orang dan kumpulan pertama pelajar MENITI sesi 2013/2014 akan bergraduasi sempena Majlis Konvokesyen pada November ini.

Mohd Harun turut menasihati pelajar yang



**BANTUAN KEBAJIKAN ...** Norlidah menyampaikan bantuan kebajikan kepada pelajar UMS, turut kelihatan Mohd Harun.

menerima bantuan kebajikan agar menyuburkan semangat dan azam untuk terus berjaya dalam hidup serta, tidak menjadikan kemiskinan keluarga sebagai penghalang meneruskan pengajian ke peringkat lebih tinggi.

"Saya berharap sumbangan yang diberikan ini dapat menampung perbelanjaan harian mereka sementara menunggu pinjaman pengajian ataupun biasiswa mereka diluluskan," katanya.